



**MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER
MANUSIA**
(Human Resources Development
Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT
DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING MAJIKAN BIL. 12 /2000

KENAIKAN KADAR BANTUAN KEWANGAN

1. TUJUAN

1.1 Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada majikan mengenai kenaikan kadar bantuan kewangan seperti yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Pembangunan Sumber Manusia Bil. 2/2000 pada 13 Julai 2000.

2. KENAIKAN KADAR BANTUAN KEWANGAN

2.1 Majikan layak mendapat bantuan kewangan apabila melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja. Dalam usaha mendorong majikan meningkatkan lagi latihan semula pekerja sebagai mendokong pembangunan ekonomi negara dalam era *k-economy*, kadar bantuan kewangan telah dinaikkan seperti berikut :-

- a. Bidang teknikal, kraf, komputer dan kualiti/produktiviti dinaikkan kepada 100%. Kadar bantuan kewangan ini juga terpakai kepada majikan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang mendapat 50% geran latihan daripada Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC). Dalam hubungan ini, majikan layak memohon 50% lagi dari baki yuran yang dikenakan oleh penyedia latihan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia;
- b. Bidang penyeliaan dan lain-lain bidang kemahiran dinaikkan dari 75% kepada 85%. Manakala bagi majikan di negeri Sabah dan Sarawak, kadar bantuan kewangan bagi bidang kemahiran kategori ini dikekalkan pada kadar 95% sehingga 1 Mac 2002 dan akan dikaji semula selepas itu. Bagi majikan perusahaan kecil dan sederhana yang mendapat 50% geran latihan daripada Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), kadar bantuan kewangan bagi bidang latihan di bawah kategori ini adalah kekal mengikut kadar yang terdapat sekarang iaitu 45% bagi baki yuran dikenakan oleh penyedia latihan;
- c. Kadar bantuan kewangan bagi latihan pengajar/pensyarah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang mengikuti latihan dalam bidang perubatan, kejuruteraan, sains komputer dan kemahiran mengajar dinaikkan kepada 100%; dan
- d. Latihan di bawah Skim Perantisann, kadar bantuan kewangan juga dinaikkan ke 100%.

2.2 Kadar bantuan kewangan bagi latihan di luar negeri adalah kekal pada kadar 50% dari kos latihan yang dibenarkan.

3. **PENUTUP**

Pekeliling majikan ini berkuatkuasa mulai 16 Julai 2000.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"LATIHAN BERTERUSAN PEMANGKIN KECEMERLANGAN"

Saya yang menurut perintah,

(RUSNAN BIN SAMAT)

Pengarah, Bahagian Geran Latihan
b.p. Ketua Pengarah
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

s.k.
Penyedia Latihan.

